



BERITA DAN ISU SEMASA IMPAK COVID-19 KEPADA EKONOMI

RUJUKAN: 10 – 13 SEPTEMBER 2021

BIL. 38 / 2021



RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI

1. PENDAHULUAN

- 1.1 Kementerian Kesihatan Malaysia memaklumkan pada 13 September 2021 **kumulatif kes sembah bertambah kepada 1,746,526** atau 87.5 peratus daripada keseluruhan kes berbanding **228,121 kes yang masih aktif**. Kes baharu dicatatkan sebanyak **16,073 kes** dan seterusnya menjadikan jumlah jangkitan positif mencecah kepada **1,995,771 kes**. Sementara itu, **kes harian tertinggi** direkodkan pada 26 Ogos 2021 dengan **24,599 kes**. Penularan tempatan meliputi **99.9 peratus** atau **16,052 kes** daripada catatan harian dengan **89.4 peratus dikesan** melibatkan jangkitan dari **kalangan warganegara Malaysia** manakala **kes import berjumlah 21 kes**. Kawasan Lembah Klang **mendominasi kumulatif kes positif** dengan menyumbang **41.6 peratus**, Wilayah Malaysia Timur (17.3 peratus), Zon Utara (15.8 peratus), Zon Selatan (15.7 peratus) dan Zon Pantai Timur (9.6 peratus). Di peringkat negeri, **pertambahan kes harian baharu** diterajui menerusi catatan di **Sarawak** iaitu **3,522 kes** disusuli Johor (2,030 kes), Selangor (1,947 kes), Sabah (1,649 kes), Pulau Pinang (1,243 kes), Kedah (1,191 kes) dan Kelantan (1,070 kes). Sejumlah **21,124 kes kematian** telah dilaporkan sehingga kini dengan **413 kematian terbaru** sementara **rekod tertinggi kematian** adalah **592 kes** yang dicatatkan pada 11 September 2021.
- 1.2 Sementara itu, perkembangan terkini statistik **Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan** sehingga 12 september 2021 menunjukkan seramai **20,894,084** telah **divaksinasi bagi dos pertama**. Di peringkat negeri, **Selangor menerajui** bilangan yang telah divaksinasi iaitu **4,054,679** diikuti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan 2,775,135. Antara negeri-negeri yang turut mencatatkan bilangan penerima yang tinggi adalah Johor (2,422,655), Sarawak (1,857,974), Sabah (1,746,330), Perak (1,469,727) dan Pulau Pinang (1,259,690). Secara keseluruhannya, jumlah pemberian vaksin bagi program vaksinasi dos pertama dan kedua telah mencecah 38.5 juta dos.
- 1.3 Krisis kesihatan yang berpanjangan turut mencetuskan ketidaktentuan ekonomi di dalam mahupun luar negara. Senario ini digambarkan menerusi beberapa petikan perkongsian *headlines* daripada PublicInvest Research Daily dan pelbagai sumber lain. Butiran terkini pasaran ekonomi antarabangsa adalah seperti berikut:
 - **GLOBAL: Perbelanjaan Modal (CAPEX) berkembang apabila syarikat bersiap sedia untuk era pasca pandemik.** Syarikat dari

pembuat mi hingga gergasi semikonduktor membelanjakan pembinaan kilang dan mesin baharu. Dari segi penawaran, sekatan yang disebabkan oleh pandemik COVID-19 mendorong perniagaan melabur ke atas kemudahan pengeluaran baharu; manakala persekitaran yang lebih bersih mendorong pengeluaran kenderaan elektrik, bateri dan tenaga alternatif. Sementara itu, masalah bekalan semikonduktor turut mendorong peningkatan pelaburan. Dari segi permintaan, perbelanjaan pengguna yang terpendam meyakinkan syarikat bahawa perbelanjaan modal diperlukan walaupun tekanan penularan varians delta semakin meningkat. (Bloomberg)

- **USA: Inventori borong di USA meningkat sejajar dengan unjuran ekonomi pada bulan Julai.** Inventori borong meningkat 0.6% pada bulan Julai setelah melonjak 1.2% pada bulan Jun. Inventori barang tahan lama meningkat 1.0% manakala inventori barang tidak tahan lama menurun -0.1% pada Julai 2021. Jualan borong melonjak 2.0% pada bulan Julai setelah meningkat 2.3% pada bulan Jun. Laporan menunjukkan penjualan barang tahan lama meningkat 1.1%, sementara penjualan barang tidak tahan lama melonjak 2.8%. (RTT)
- **EU: Indeks Harga Pengguna (IHP) Germany tertinggi sejak 1993.** Data dari DESTATIS menunjukkan IHP meningkat 3.9% pada bulan Ogos daripada 3.8% pada bulan Julai, kadar inflasi yang lebih tinggi semenjak Disember 1993. Kenaikan kadar inflasi sejak Julai 2021 dilaporkan dipengaruhi oleh kesan asas yang rendah pada tahun 2020. (Reuters)
- **EU: Pengeluaran industri Italy meningkat pada kadar yang lebih perlahan pada bulan Julai.** Output industri meningkat 0.8% bulan ke bulan pada bulan Julai, selepas pertumbuhan 1.1% pada bulan Jun. Penganalisis ekonomi menjangkakan kenaikan 0.1%. Output barang modal meningkat 1.9% dan output barang perantaraan meningkat 1.4%. Barang pengguna meningkat 0.9%, sementara barang tenaga menurun -1.5%. Pada asas tahunan, pertumbuhan pengeluaran industri menyerdehana kepada 7% pada bulan Julai daripada 13.8% pada bulan sebelumnya. (RTT)
- **UK: Ekonomi mencatat pertumbuhan yang lemah pada bulan Julai** apabila output sektor Perkhidmatan kekal tidak berubah manakala output sektor Pembinaan menguncup kerana kekurangan bekalan. KDNK menyederhana 0.1% pada bulan Julai dari 1.0% pertumbuhan pada bulan Jun. Walaupun ekonomi berkembang untuk bulan keenam berturut-turut, output kekal 2.1% di bawah tahap pra-pandemik. Bagi

tempoh tiga bulan hingga Julai, KDNK meningkat 3.6%, sebahagian besarnya disebabkan oleh prestasi sektor perkhidmatan. (RTT)

- **CHINA: Pinjaman bank meningkat lebih perlahan dari jangkaan.** Laporan dari People's Bank of China menunjukkan pinjaman baharu meningkat kepada CNY1.22 trilion dari CNY1.08 trilion pada bulan Julai. Penganalisis ekonomi menjangkakan pinjaman baharu sebanyak CNY1.3 trilion. Pada masa yang sama, jumlah pembiayaan sosial meningkat kepada CNY2.96 trilion pada Ogos, melepassi ramalan CNY2.75 trilion. Penawaran wang M2 berkembang 8.2% tahun ke tahun, lebih rendah daripada jangkaan 8.4%. (RTT)

2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

1. **KDNK bagi kumpulan negara ASEAN-5 diunjurkan berkembang masing-masing 5.2 peratus dan 5.4 peratus pada tahun 2021 dan 2022.**
2. Majlis Amanah Rakyat (MARA) Kelantan **menyediakan peruntukan berjumlah RM11.8 juta kepada 217 usahawan** yang terkesan akibat pelaksanaan PKP.
3. **Peralihan Lembah Klang ke Fasa 2 Pelan Pemulihhan Negara (PPN) bermula 10 September 2021** bakal merancakkan semula ekonomi, perniagaan dan perindustrian menjelang akhir tahun, termasuk memacu semula sektor pekerjaan.
4. **Hasil koko menyumbang RM1.64 bilion kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada 2020** iaitu peningkatan sebanyak 5.4 peratus berbanding RM1.56 bilion bagi tahun sebelumnya.
5. Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Malaysia (MOTAC) telah melancarkan prosedur operasi standard (SOP) untuk **gelembung pelancongan untuk Langkawi, yang akan dibuka untuk semua pelancong domestik yang divaksinasi sepenuhnya mulai 16 September 2021**. Kegiatan yang dibenarkan untuk gelembung pelancongan Langkawi meliputi penginapan di hotel dan homestay termasuk kemudahan di hotel dan premis inap desa seperti surau, kolam renang, gimnasium, ruang rehat, dewan, acara perniagaan (MICE), pelancongan, dan acara budaya yang tertakluk kepada SOP Umum Fasa Empat yang dikeluarkan oleh MKN dan SOP Kementerian/Jabatan/ Agensi berkaitan.
6. **Stok minyak sawit mentah (MSM) Malaysia bagi Ogos 2021 meningkat 35.07 peratus kepada 950,711 tan metrik** daripada 703,881 tan metrik yang dicatatkan pada bulan sebelumnya, kata Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB). Stok minyak sawit naik 25.28 peratus kepada 1.87 juta tan metrik daripada 1.49 juta tan metrik sebelumnya. Mengenai pengeluaran, output MSM meningkat sebanyak 11.80 peratus kepada 1.70 juta tan metrik berbanding 1.52 juta tan metrik pada Julai.
7. Faktor utama projek pembinaan di Johor Bahru mengalami kelewatan adalah disebabkan pandemik COVID-19. Selain daripada penutupan sektor pembinaan, **syarikat kontraktor turut menghadapi masalah kekurangan tenaga kerja, kekurangan bekalan bahan mentah serta masalah pengurusan.**

8. **Top Glove Corporation Bhd diberikan pelepasan dan dibenarkan untuk menyambung semula serta menjual sarung tangan ke Amerika Syarikat (AS).** Ini berikutan modifikasi daripada penemuan Jabatan Kastam dan Perlindungan Sempadan (CBP) AS yang berkuat kuasa bermula 10 September 2021. Pada Mei lalu, CBP AS telah merampas 3.97 juta sarung tangan getah nitril bernilai RM2.13 juta (AS\$518,000) yang dihantar oleh anak syarikat Top Glove, susulan daripada dakwaan CBP AS bahawa produk tertentu oleh Top Glove dihasilkan menerusi penggunaan buruh paksa dan diimport, atau akan diimport ke AS.
9. **Lonjakan pelaburan langsung asing (FDI) yang diluluskan bagi separuh pertama 2021, meningkat 223.1 peratus tahun ke tahun.** Ini menunjukkan keyakinan pelabur asing terhadap iklim ekonomi dan ekosistem perniagaan negara yang stabil dan kondusif. Prestasi kukuh ini adalah petanda baik kepada Malaysia ke arah pemulihran ekonomi yang rancak dan mampan. Strategi Malaysia untuk menempatkan negara sebagai destinasi pelaburan menarik dan hab rantaian bekalan di ASEAN, khususnya bagi operasi pembuatan, menunjukkan hasil yang positif. FDI memacu prestasi kukuh bagi sektor pembuatan, mencatatkan RM58.2 bilion pelaburan diluluskan.
10. Tiga sektor iaitu **perbankan, sarung tangan dan perladangan merekodkan keuntungan ke paras tertinggi baharu bagi tempoh separuh pertama 2021.** Menurut penganalisis Maybank IB Research, prestasi kaunter perbankan, sarung tangan dan perladangan menjangkaui unjuran bagi tempoh separuh pertama tahun ini. Pada tahun 2021, dijangkakan pendapatan bagi sektor perbankan meraih teras sebanyak RM27.7 bilion, manakala sarung tangan RM15.7 bilion dan perladangan RM5.2 bilion
11. Kempen membeli belah 9.9 Hari Pembelian Hebat anjuran Shopee memberi **manfaat kepada lebih 70,000 perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS)** yang baru menyertai jualan itu. Kempen itu juga menyaksikan 50 PMKS berada di kedudukan teratas berdasarkan prestasi pendapatan jualan dalam satu hari mencatatkan jualan purata sekitar RM350,000. Pada 9 September, jualan melalui platform ini meningkat semasa 'Midnight Madness Sale' dari 12 tengah malam hingga 2 pagi apabila jumlah trafik pengguna melonjak tiga kali ganda berbanding hari biasa dalam tempoh tersebut. **Antara produk yang banyak terjual adalah penutup hidung dan mulut terutamanya jenis KF94 dan KN95**, dengan lebih 10 juta keping direkodkan terjual pada 9 September 2021.
12. **KPDNHEP akan melaksanakan subsidi bagi mengawal harga makanan ayam**, yang dilaporkan menjadi antara **faktor kenaikan harga**

jualan ayam di pasaran. Menerusi sistem subsidi yang dicadangkan itu, **kadar subsidi** yang diberikan **bergantung pada turun naik harga semasa jagung dan soya**, yang menjadi komponen utama makanan ayam. KPDNHEP menjangkakan menerusi pelaksanaan sistem subsidi ini, **harga jualan ayam** di pasaran ketika ini boleh dikekalkan antara **RM8 hingga RM10 sekilogram**.

13. **Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)** mensasarkan sebanyak **tiga juta remaja** di seluruh negara akan menerima vaksin COVID-19 **sebelum pembukaan sekolah bagi sesi 2022**.
14. **Kumpulan Wang Simpanan Pekerja** melancarkan dua inisiatif baharu untuk majikan bagi meringankan pengurusan aliran kewangan ketika pandemik. Inisiatif pertama iaitu **pengecualian caj lewat bayar caruman**, majikan diberi kelonggaran bagi tempoh membayar caruman bulan semasa. Inisiatif kedua ialah **Tawaran Insentif Pengurangan Caj Lewat Bayar (e-PaR)** di mana majikan berpeluang mendapatkan pengurangan menyelesaikan baki caj lewat bayar yang tertunggak.
15. **Sektor pembinaan** negara menghadapi **kekurangan pekerja** kategori **3D (dirty, difficult and dangerous)** yang serius hingga menyebabkan beberapa **projek mega tergendala**. Ini berikutan kontraktor **bergantung** kepada **pekerja asing** bagi kerja-kerja kategori berkenaan menghadapi kesukaran untuk menepati jadual pembinaan, walaupun sektor pembinaan telah dibenarkan beroperasi sepenuhnya dalam fasa pemulihan pandemik.
16. Sejumlah **RM12.3 bilion pembayaran Bantuan Khas COVID-19** merangkumi **Bantuan Prihatin Nasional 2.0, Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) dan BPR Tambahan** telah diagihkan kepada hampir 10 juta penerima. Di bawah program insentif pengambilan pekerja iaitu PenjanaKerjaya, kerajaan telah menyalurkan RM995.36 juta kepada 33,304 majikan bagi mengekalkan 256,253 pekerja tempatan.

A.	Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Berita Harian 10 September 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Penduduk KL, Selangor, Putrajaya mulai rentas daerah hari ini</p> <p>Penduduk di Kuala Lumpur, Selangor dan Putrajaya yang sudah lengkap divaksinasi, dibenarkan rentas daerah, mulai hari ini, berikutan peralihan ke Fasa Dua Pelan Pemulihan Negara (PPN). Malah, individu yang sudah menerima vaksinasi lengkap terbabit juga dibenarkan membawa bersama anak berusia 17 tahun dan ke bawah, dengan mematuhi protokol kesihatan umum.</p> <p>Pengusaha restoran, termasuk di hotel, rumah kelab sukan dan rekreasi, kedai makan, gerai makan, kenderaan bersaji, penjaja tepi jalan, penjaja beredara, medan selera, pusat penjaja, gerai makan tepi jalan dan kiosk, dibenarkan menyediakan perkhidmatan dine-in dengan mematuhi beberapa syarat.</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/862120/penduduk-kl-selangor-putrajaya-mulai-rentas-daerah-hari-ini
2.	Berita Harian 12 September 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p>Tempahan hotel di Langkawi cecah 50 peratus – MAH</p> <p>Susulan penutupan sektor pelancongan akibat pandemik COVID-19 aktiviti hotel di Pulau Langkawi kehilangan pendapatan selama lebih setahun setengah sudah menerima tempahan bilik antara 20 hingga 50 peratus sejak 9 September. Peningkatan ini sejurus</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/862996/tempahan-hotel-di-langkawi-cecah-50-peratus-mah

		Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) mengumumkan prosedur operasi standard (SOP) gelembung pelancongan di pulau peranginan ini yang dipilih sebagai projek rintis program. Beberapa hotel lima bintang berhampiran Pantai Kok, Datai, Chenang dan Penarak menerima lebih 50 peratus tempahan bilik.	
3.	The Star 13 September 2021 <i>(Essential)</i>	Delta variant threatens Asean-5 recovery In the first half of 2021, Asean-5 countries, comprising Malaysia, Indonesia, Thailand, Vietnam and the Philippines experienced strong, export-driven growth. However, renewed lockdowns amid significant outbreaks of COVID-19 Delta variant cases have damped business sentiment and consumer spending in this region. Due to their economic structure, Asean-5 countries benefitted strongly from the global demand recovery, with exports up sharply in the first half of 2021, particularly in the area of electronic appliances (Malaysia, the Philippines, and Thailand) and commodities (Indonesia and Vietnam).	https://www.thestar.com.my/business/business-news/2021/09/13/delta-variant-threatens-asean-5-recovery
4.	Astro Awani 13 September 2021 <i>(Non-essential)</i>	MARA Kelantan salur peruntukan RM11.8 juta menerusi PEMULIH Majlis Amanah Rakyat (MARA) Kelantan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM11.8 juta kepada 217 usahawan di	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mara-kelantan-salur-peruntukan-rm118-juta-menerusi-pemulih-319416

	<p>negeri ini yang terjejas akibat pandemik COVID-19.</p> <p>MARA Kelantan turut membantu usahawan di bawahnya dengan mengurangkan bayaran sewa premis selama tiga bulan bermula Julai lepas hingga September ini. Sejak inisiatif ini dilaksanakan, seramai 521 penyewa premis MARA Kelantan mendapat manfaat dengan kesan kewangan sebanyak RM1.5 juta.</p>	
--	---	--

Penemuan penting & isu:

1. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) mengumumkan prosedur operasi standard (SOP) gelembung pelancongan di Pulau Langkawi yang dipilih sebagai projek rintis program menerima tempahan bilik antara 20 hingga 50 peratus sejak 9 September.
2. KDNK bagi kumpulan negara ASEAN-5 diunjurkan berkembang masing-masing 5.2 peratus dan 5.4 peratus pada tahun 2021 dan 2022.
3. Majlis Amanah Rakyat (MARA) Kelantan menyediakan peruntukan berjumlah RM11.8 juta kepada 217 usahawan yang terkesan akibat pelaksanaan PKP.

Maklumbalas Bahagian:

1. Gelembung pelancongan merupakan antara langkah merancakkan semula segmen pelancongan di negara ini susulan penutupan sempadan berikutan peningkatan COVID-19. Pada suku kedua tahun 2021, KDNK Malaysia mencatatkan pertumbuhan 16.1 peratus setelah menguncup empat suku tahun berturut-turut.
2. Pelaksanaan PKP 3.0 semasa awal suku kedua tahun 2021 bagi membendung penularan wabak COVID-19 telah memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi negara. Pada ST2 2021, KDNK Malaysia mencatatkan pertumbuhan 16.1 peratus yang mana sebahagian besar pertumbuhan tersebut adalah dipengaruhi oleh asas yang rendah pada ST2 2020.

3. Langkah proaktif yang dilaksanakan oleh MARA Kelantan menerusi Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemuliharan Ekonomi (PEMULIH) diharapkan dapat meningkatkan daya tahan usahawan-usahawan untuk kekal bersaing di saat yang mencabar ini. Suntikan berjumlah RM118.8 juta ini dianggarkan dapat mengurangkan impak negatif terhadap ekonomi negeri Kelantan. Pada tahun 2020, KDNK Kelantan merekodkan pertumbuhan negatif 1.1 peratus berbanding 5.6 peratus pada tahun 2019.

B. Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
A. Subsektor Perdagangan Borong & Runcit			
1.	Berita Harian 10 Sep 2021 (Non-Essential)	Modenas Dominar D400 versi dipertingkatkan RM13,997 Motosikal dan Enjin Nasional Sdn Bhd (MODENAS) telah memperkenalkan varian motosikal 'sports tourer' Modenas Dominar D400 yang ditawarkan pada harga bermula RM13,997. Model dinaiktaraf ini telah menerima beberapa peningkatan teknikal, serta dua pilihan warna baharu berbanding versi asal yang dilancarkan pada tahun 2018 lalu iaitu Savanna Green dan Charcoal Black. Antara ciri naiktaraf paling menarik pada model versi baharu adalah penyerap hadapan terbalik atau Upside Down (USD) Fork yang menggantikan fork teleskopik konvensional pada model terdahulu.	https://www.bharian.com.my/bisnes/auto/2021/09/862342/modenas-dominar-d400-versi-dipertingkatkan-rm13997
2.	Berita Harian 10 Sep 2021 (Essential)	Stok minyak sawit mentah negara meningkat bulan lalu Stok minyak sawit mentah (MSM) Malaysia bagi Ogos 2021 meningkat 35.07 peratus kepada 950,711 tan metrik daripada	https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/09/862234/stok-minyak-sawit-mentah-negara-meningkat-bulan-lalu

		<p>703,881 tan metrik yang dicatatkan pada bulan sebelumnya. MPOB dalam laporan prestasi industrinya bagi Ogos yang dikeluarkan hari ini, inventori minyak sawit diproses juga naik 16.59 peratus bulan ke bulan kepada 924,035 tan metrik daripada 792,582 tan metrik. Keseluruhannya, stok minyak sawit naik 25.28 peratus kepada 1.87 juta tan metrik daripada 1.49 juta tan metrik sebelumnya. Pengeluaran output MSM meningkat sebanyak 11.80 peratus kepada 1.70 juta tan metrik berbanding 1.52 juta tan metrik pada Julai.</p>	
3.	Berita Harian 10 Sep 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Lembah Klang ke Fasa 2 PPN rancakkan kembali ekonomi</p> <p>Peralihan Lembah Klang ke Fasa 2 Pelan Pemulihian Negara (PPN) bermula hari ini bakal merancakkan semula ekonomi, perniagaan dan perindustrian menjelang akhir tahun, termasuk memacu semula sektor pekerjaan.</p> <p>Penganalisis Ekonomi Putra Business School (PBS), menurut Prof Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff, peralihan dari Fasa 1 ke Fasa 2 itu dijangka memberi impak yang positif kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara, terutama bagi suku tahun keempat kerana majoriti perniagaan dan pekerjaan banyak tertumpu di Lembah Klang. Ini petanda baik kepada pemulihan ekonomi</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/09/862249/lembah-klang-ke-fasa-2-ppn-rancakkan-kembali-ekonomi

		<p>kerana negara akan hanya benar-benar pulih apabila sektor ekonomi kembali dibuka. Dengan harapan kawalan pergerakan rentas negeri juga akan dilonggarkan kerana ia amat penting untuk memastikan sektor ekonomi kembali beroperasi pada tahap optimum.</p>	
4.	The Edge Market 10 Sept 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p>BKC: RM12.3b disbursed to almost 10 million recipients, says Tengku Zafrul</p> <p>A total of RM12.3 billion of the Special COVID-19 Aid (BKC), encompassing Bantuan Prihatin Nasional 2.0 (BPN 2.0), Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) and BPR Tambahan, has been distributed to almost 10 million recipients.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/bkc-rm123b-disbursed-almost-10-million-recipients-says-tengku-zafrul
5.	Borneo Online 11 Sept 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p>COVID-19 changing consumers' need for cars</p> <p>Consumers today are changing the ways they buy cars, shifting towards used cars or even not needing cars at all, as the COVID-19 pandemic hampers the public's mobility. As businesses encourage employees to work from home or implement flexible office schedules by way of hybrid working, workers today find themselves not needing to commute to work as often as before.</p> <p>The automotive and mobility industries have certainly been among the hardest hit during the COVID-19 pandemic. In mid-</p>	https://www.theborneopost.com/2021/09/11/COVID-19-changing-consumers-need-for-cars/

		<p>August, the Malaysian Automotive Association (MAA) revealed that domestic automotive dealers lost more than RM14 billion in June and July alone. Its members, which constitute about 1,300 dealers nationwide, had also lost much in revenue from exports of vehicles and components as well as sales of spare parts locally. All in all, these losses had been very substantial and unprecedented. To note, automotive players had to temporarily suspend their motor vehicles production plants, distributions and sales centres from June 1, 2021.</p>	
6.	Berita Harian 12 Sep 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Koko sumbang RM1.64 bilion kepada KDNK Malaysia</p> <p>Hasil koko menyumbang sejumlah RM1.64 bilion kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada 2020 iaitu peningkatan sebanyak 5.4 peratus berbanding RM1.56 bilion bagi tahun sebelumnya. Menurut Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK), subsektor koko juga secara khusus menyumbang sebanyak RM6.23 bilion kepada pendapatan eksport negara pada tahun lalu.</p> <p>Sektor agrikomoditi, termasuk koko adalah antara penyumbang utama pendapatan eksport negara. Lembaga Koko Malaysia (LKM) sedang membangunkan pelbagai program bagi menghasilkan biji koko berkualiti</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/09/862866/koko-sumbang-rm164-bilion-kdnk-malaysia

		tinggi dan berperisa unggul selain membangunkan sistem pengesanan bagi menyokong pengeluaran biji koko. Biji-biji koko ini boleh dipasarkan pada harga tinggi mencecah RM15 sekilogram	
7.	Berita Harian 12 Sep 2021 (Essential)	Struktur cukai industri sawit perlu disemak Kerajaan diharap dapat membuat semakan semula struktur cukai membabitkan industri sawit dalam Belanjawan 2022, menurut Ketua Pegawai Eksekutif Persatuan Minyak Sawit Malaysia (MPOA), Datuk Mohamad Nageeb Abdul Wahab. Semakan semula struktur cukai itu amat diharapkan memandangkan industri sawit adalah sektor paling dibebani pelbagai cukai di negara ini. Tambahan lagi, beberapa cukai yang dikenakan terhadap industri itu dilihat sudah lama dan semakan semula perlu dilaksanakan. Pelbagai jenis cukai perlu dibayar seperti cukai keuntungan luar biasa, levi, ses dan sebagainya.	https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/09/862898/struktur-cukai-industri-sawit-perlu-disemak
8.	Berita Harian 13 Sep 2021 (Essential)	Kempen jualan Shopee manfaat lebih 70,000 perusahaan mikro Kempen membeli belah 9.9 Hari Pembelian Hebat anjuran Shopee memanfaat kepada lebih 70,000 perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) yang baru menyertai jualan itu.	https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2021/09/863380/kempen-jualan-shopee-manfaat-lebih-70000-perusahaan-mikro

		<p>Menurut Ketua Pegawai Operasi Shopee, Terence Pang pihaknya menyaksikan permulaan yang memberangsangkan bagi kempen membeli belah akhir tahun sekali gus memacu usaha berterusannya dalam digitalisasi perniagaan. Kempen itu menyaksikan 50 PMKS yang berada di kedudukan teratas berdasarkan prestasi pendapatan jualan dalam satu hari mencatat jualan purata sekitar RM350,000. Peniaga juga menyaksikan peningkatan jualan semasa 'Midnight Madness Sale' dari 12 tengah malam hingga 2 pagi apabila jumlah trafik pengguna melonjak tiga kali ganda berbanding hari biasa dalam tempoh dua jam pertama pada 9 September lalu. Antara produk yang banyak terjual adalah penutup hidung dan mulut terutamanya jenis KF94 dan KN95, dengan lebih 10 juta keping direkodkan terjual pada 9 September.</p>	
9.	Berita Harian 13 Sep 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p>Kerjasama MARii, Bank Muamalat manfaat peniaga automotif</p> <p>Institut Automotif, Robotik dan IoT Malaysia (MARii) serta Bank Muamalat Malaysia Bhd meneruskan kerjasama untuk menawarkan bantuan kewangan kepada pengusaha khidmat selepas pasaran automotif, yang dijangka memberi manfaat kepada 500 perniagaan selepas pasaran. Khidmat selepas pasaran adalah pasaran</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/09/863481/kerjasama-marii-bank-muamalat-manfaat-peniaga-automotif

		<p>sekunder bagi industri automotif, yang berkaitan dengan pembuatan, pembuatan semula, pengedaran, peruncitan serta pemasangan semua bahagian kenderaan, kimia, peralatan, dan aksesori selepas jualan kenderaan oleh pengeluar peralatan tulen (OEM) kepada pengguna.</p> <p>Kerjasama itu merupakan kesinambungan daripada program pembiayaan khas yang diwujudkan pada Mei 2021 untuk vendor automotif di Malaysia. Bank Muamalat menawarkan pembiayaan khusus sehingga RM500,000 untuk selepas pasaran dalam industri automotif pada kadar keuntungan kompetitif 3.5 peratus setahun bagi tempoh tujuh tahun berasaskan terma, syarat dan kriteria, menerusi langkah memanfaatkan Kemudahan Bantuan dan Pemulihan Bersasar (TRRF) yang diperkenalkan Bank Negara Malaysia.</p>	
10.	New Strait Times 13 Sept 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p>UMW's Toyota, Perodua vehicle sales surge four-fold in August</p> <p>UMW Holdings Bhd's automotive sales soared more than four-fold to 9,512 units in August from 2,105 units registered in July. This was mainly contributed by the resumption of showrooms and automotive assembly plants operations from August 16 following the easing of Full</p>	https://www.nst.com.my/business/2021/09/726787/umws-toyota-perodua-vehicle-sales-surge-four-fold-august

		<p>Movement Control Order (FMCO) restrictions.</p> <p>Currently, both marques (Toyota and Perodua) have a healthy level of outstanding bookings and will be focusing on ramping up production to ensure timely delivery to our customers while ensuring full compliance with the Standard Operating Procedures (SOPs).</p> <p>UMW's domestic parts and components suppliers had also resumed operations after having secured its planned completely knocked down (CKD) parts to meet its customers' demand.</p> <p>The expectation for automotive sales momentum to continue for the remainder of the year especially with the extension of the sales tax exemption to December 31, 2021.</p>	
11.	Harian Metro 13 Sep 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p>Jualan 9.9 Shopee catat jualan pelitup muka lebih 10 juta keping</p> <p>Kempen membeli-belah 9.9 Hari Pembelian Hebat anjuran Shopee memberi peluang kepada pengguna untuk mendapatkan pelitup muka pada harga lebih rendah. Pada tarikh 9 September, rakyat Malaysia telah mengambil peluang untuk membeli pelitup muka terutamanya jenis KF94 dan KN95, dengan lebih 10 juta keping direkodkan terjual.</p>	https://www.hmetro.com.my/bisnes/2021/09/754276/jualan-99-shopee-catat-jualan-pelitup-muka-lebih-10-juta-keping

	B. Subsektor Pengangkutan & Penyimpanan		
12.	Astro Awani 10 Sep 2021 (Essential)	<p>Fasa 2 PPN: Prasarana tingkat kekerapan tren, utamakan pematuhan SOP</p> <p>Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana) menegaskan penumpang yang tidak sihat tidak akan dibenarkan menaiki sistem pengangkutan awam kendaliannya termasuk Transit Aliran Ringan (LRT) Rapid KL. Ketua Pegawai Operasi LRT Rapid KL berkata pematuhan prosedur operasi standard (SOP) yang ketat perlu dilakukan demi memastikan keselamatan semua pihak dan mengekang penularan COVID-19.</p>	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/fasa-2-ppn-prasarana-tingkat-kekerapan-tren-utamakan-pematuhan-sop-319029
	C. Subsektor Kesihatan		
13.	Berita Harian 10 Sep 2021 (Essential)	<p>Pinjam tenaga kerja swasta ganti petugas kesihatan bercuti</p> <p>Kementerian Kesihatan (KKM) perlu memperluas skop kerjasama dengan pengamal perubatan swasta bagi mengatasi isu gangguan emosi dan kelesuan melampau yang dialami petugas kesihatan awam berikutan susulan laporan BH yang mendedahkan lebih 70,000 petugas kesihatan dikesan mengalami pelbagai gangguan emosi seperti stres, kemurungan dan kecelaruan, selain kelesuan melampau selepas berdepan COVID-19 sejak Januari tahun lalu.</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/862277/pinjam-tenaga-kerja-swasta-ganti-petugas-kesihatan-bercuti

14.	The Edge Malaysia 11 Sept 2021 <i>(Essential)</i>	COVID-19: 200 frontliners from other states to be mobilised to Penang - Khairy <p>The Health Ministry (MoH) will mobilise 200 frontline personnel from other states to help Penang, following the increasing number of COVID-19 cases in the state. Khairy added that to assist frontline staff at public hospitals, he had been informed that private hospitals would increase patient reception capacity, especially COVID-19 patients. Khairy said he had obtained the consent of private hospitals to add 300 beds, but his ministry would like to ask for an additional 1,000 beds for COVID-19 patients.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/covid19-200-frontliners-other-states-be-mobilised-penang-%E2%80%94-khairy
D.	Subsektor Penginapan		
15.	New Straits Times 10 Sept 2021 <i>(Essential)</i>	#TECH: OYO and Microsoft enter partnership to reimagine hospitality industry <p>Microsoft, and global travel technology company OYO have entered a multi-year strategic alliance to co-develop next-gen travel and hospitality technologies. OYO will be adopting Microsoft Azure as a key enabler to drive cloud-based innovations and reimagine the hospitality and travel tech industry. The solutions will be geared to benefit small and medium hotels and homestays. Combining the power of Azure with the tech and product stack developed by OYO, to</p>	https://www.nst.com.my/lifestyle/bots/2021/09/726125/tech-oyo-and-microsoft-enter-partnership-reimagine-hospitality

		accelerating innovation in travel and hospitality with this collaboration, small and independent hotels and homeowners across the world will have access to OYO's latest technology to manage their guests' experience, increase revenue and run operations seamlessly with the security and scalability of Microsoft Azure.	
--	--	--	--

Penemuan penting & isu:

1. Motosikal dan Enjin Nasional Sdn Bhd (MODENAS) perkenal varian motosikal '*sports tourer*' Modenas Dominar D400 yang ditawarkan pada harga bermula RM13,997.
2. Stok minyak sawit mentah (MSM) Malaysia bagi Ogos 2021 meningkat 35.07 peratus kepada 950,711 tan metrik daripada 703,881 tan metrik yang dicatatkan pada bulan sebelumnya.
3. Peralihan Lembah Klang ke Fasa 2 Pelan Pemulihan Negara (PPN) bermula 10 September 2021 bakal merancakkan semula ekonomi, perniagaan dan perindustrian menjelang akhir tahun, termasuk memacu semula sektor pekerjaan.
4. Sebanyak RM12.3 bilion Bantuan COVID-19 Khas (BKC), merangkumi Bantuan Prihatin Nasional 2.0 (BPN 2.0), Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) dan Tambahan BPR, telah diedarkan kepada hampir 10 juta penerima.
5. COVID-19 mengubah cara pengguna membeli kereta dengan beralih ke kereta terpakai atau tidak memerlukan kereta sama sekali, kerana pandemik COVID-19 menghalang pergerakan orang ramai.
6. Hasil koko menyumbang RM1.64 bilion kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada 2020 iaitu peningkatan sebanyak 5.4 peratus berbanding RM1.56 bilion bagi tahun sebelumnya.
7. Kerajaan diharap dapat membuat semakan semula struktur cukai membabitkan industri sawit dalam Belanjawan 2022.
8. Kempen membeli belah 9.9 Hari Pembelian Hebat anjuran Shopee memanfaat kepada lebih 70,000 perusahaan mikro, kecil dan sederhana

(PMKS) yang baru menyertai jualan itu.

9. Institut Automotif, Robotik dan IoT Malaysia (MARii) serta Bank Muamalat Malaysia Bhd meneruskan kerjasama menawarkan bantuan kewangan kepada pengusaha khidmat selepas pasaran automotif, yang dijangka memberi manfaat kepada 500 perniagaan selepas pasaran.
10. Penjualan automotif UMW Holdings Bhd meningkat empat kali ganda kepada 9,512 unit pada bulan Ogos daripada 2,105 unit yang didaftarkan pada bulan Julai disumbangkan terutamanya oleh penyambungan semula bilik pameran dan operasi kilang pemasangan automotif mulai 16 Ogos berikutan pelonggaran sekatan Perintah Kawalan Pergerakan Penuh (FMCO).
11. Kempen membeli-belah 9.9 Hari Pembelian Hebat anjuran Shopee memberi peluang kepada pengguna untuk mendapatkan pelitup muka pada harga lebih rendah.
12. Susulan Lembah Klang beralih ke Fasa 2 PPN, kekerapan semua perkhidmatan rel kendalian Prasarana ditingkatkan bagi membolehkan penumpang kekal mematuhi penjarakan fizikal berikutan jumlah pengguna dijangka bertambah mulai minggu depan.
13. Presiden Persatuan Psikiatri Malaysia, Dr Hazli Zakaria, berkata antara kerjasama yang boleh dijalin termasuklah pihak swasta meminjamkan tenaga kerja sementara bagi menggantikan kakitangan kesihatan kerajaan yang perlu bercuti.

Maklumbalas Bahagian:

1. Pembukaan semula pusat jualan dan selepas jualan bagi industri automotif akan memberi impak positif kepada industri ini untuk kembali mengukuh dalam aktiviti ekonomi.
2. Penyertaan syarikat berjenama dalam jualan dalam talian yang dianjurkan oleh Lazada akan membuka ruang kepada peniaga khususnya aktiviti *non-essential* dapat membantu meningkatkan jualan dalam tempoh pelaksanaan PKP di seluruh negara.
3. Fasa 2 Pelan Pemulihan Negara bakal membantu memulihkan ekonomi daripada keadaan krisis akibat pandemik COVID-19.
4. Peningkatan perkhidmatan keretapi dan rel susulan pelaksanaan Fasa 2 PPN di Lembah Klang susulan peningkatan jumlah penumpang akan memberi kesan positif terhadap pengangkutan darat untuk tempoh ST3

2021.

5. Hospital dan klinik swasta di Pulau Pinang yang terlibat berpotensi membantu hospital awam untuk memberikan rawatan kepada bukan pesakit COVID-19.

C.	Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Berita Harian 10 September 2021 (Essential)	<p>Top Glove dibenar eksport semula produk ke AS</p> <p>Top Glove Corporation Bhd diberikan pelepasan dan dibenarkan untuk menyambung semula serta menjual sarung tangan keluarannya ke Amerika Syarikat (AS).</p> <p>CBP mengesahkan bahawa sarung tangan pakai buang yang dikeluarkan syarikat itu di Malaysia akan dibenarkan di semua pelabuhan masuk AS mulai hari ini.</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2021/09/862063/top-glove-dibenar-eksport-semula-produk-ke

Penemuan penting & isu:

1. Top Glove Corporation Bhd diberikan pelepasan dan dibenarkan untuk menyambung semula serta menjual sarung tangan keluarannya ke Amerika Syarikat (AS). CBP mengesahkan bahawa sarung tangan pakai buang yang dikeluarkan syarikat itu di Malaysia akan dibenarkan di semua pelabuhan masuk AS mulai hari ini.

Maklumbalas Bahagian:

1. Nilai eksport sarung tangan getah bagi Julai 2021 adalah RM3.9 bilion dan mencatatkan penurunan RM2.6 bilion atau 39.9 peratus bulan ke bulan. Volum eksport sarung tangan getah pula adalah 60.2 ribu tan metrik dan menyusut 30.8 ribu tan metrik atau 33.8 peratus bulan ke bulan. Eksport sarung tangan getah menyumbang 4.0 peratus kepada keseluruhan nilai eksport. Amerika Syarikat merupakan destinasi utama eksport sarung tangan getah bagi Julai 2021 sebanyak 41.9 peratus, diikuti oleh India (7.8 peratus) dan Belgium (6.8 peratus).

D.	Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	The Edge 13 September 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p>Hup Seng's Johor factory resumes ops after temporary closure for COVID-19 disinfection</p> <p>The biscuit maker said its wholly-owned subsidiary Hup Seng Perusahaan Makanan (M) Sdn Bhd (HSPM) located in Kawan Perindustrian Tongkang Pecah, Batu Pahat, Johor, had received notice from the Ministry of Health (MoH) on Sept 11 to resume its operations commencing Sept 12.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/hup-sengs-johor-factory-resumes-ops-after-temporary-closure-covid19-disinfection
2.	The Edge 13 September 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p>Demand for Kawan Food products expected to remain robust as consumer consumption habits change in pandemic – PublicInvest</p> <p>The research house, which had attended a briefing by the frozen food manufacturer, disclosed that despite disruptions to its production facilities, Kawan Food did not experience any cancellations of orders but in fact managed to increase another 3% to 5% market share in the domestic market.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/demand-kawan-food-products-expected-remain-robust-consumer-consumption-habits-change
3.	Utusan Malaysia 12 September 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p>Lima projek jalan dan jambatan di Johor Bahru lewat</p> <p>Kerajaan negeri mengenal pasti lima projek pembinaan jalan dan jambatan di bawah seliaan yang mengalami kelewatan antara enam bulan hingga satu tahun untuk disiapkan di seluruh daerah ini.</p>	https://www.utusan.com.my/berita/2021/09/lima-projek-jalan-dan-jambatan-di-johor-bahru-lewat/

Penemuan penting & isu:

- Previously, the biscuit maker had been instructed by MoH to temporarily stop certain parts of operations for seven days from Sept 5 to Sept 11. The group added that thorough disinfection of the affected areas in the factory of HSPM was completed on Sept 7.*
- Kawan Food Bhd experienced a two-week closure between June 14 and 28 as well as workforce restrictions from stricter lockdown orders which resulted in a backlog of orders from both Kawan Food's local and overseas customers. It has since Aug 16 resumed production at full capacity as it managed to secure vaccines for its staff.*
- Faktor utama projek berkenaan mengalami kelewatan adalah disebabkan pandemik COVID-19. Selain daripada penutupan sektor pembinaan, syarikat kontraktor turut menghadapi masalah kekurangan tenaga kerja, kekurangan bekalan bahan mentah serta masalah pengurusan.

Maklumbalas Bahagian:

- Kilang Hup Seng Johor kembali beroperasi semula bermula 12 September setelah penutupan sementara untuk pembasmian kuman COVID-19. Selain itu, walaupun terdapat gangguan pada kemudahan pengeluarannya disebabkan wabak COVID-19, Kawan Food tidak mengalami pembatalan pesanan malah berjaya meningkatkan pasaran domestik daripada 3% kepada 5%.
- Lima projek pembinaan jalan dan jambatan di Johor mengalami kelewatan antara enam bulan hingga satu tahun untuk disiapkan. Antara sebab utama kelewatan adalah kerana kilang tidak dibenarkan beroperasi sebelum ini. Bahagian akan menyemak projek-projek berkenaan dalam survei pembinaan suku tahunan yang akan memberi kesan pada nilai kerja pembinaan di Johor. Pada suku kedua 2021, Johor merupakan penyumbang keempat tertinggi dengan nilai kerja direkodkan sebanyak RM2.4 bilion.

E.	Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	The Edge 13 September 2021 <i>(Essential)</i>	Surge in approved FDI signals confidence of foreign investors in Malaysia, says Azmin The surge in Malaysia's approved foreign direct investment (FDI) in the first half	https://www.theedgemarkets.com/article/surge-approved-fdi-signals-confidence-foreign-investors-malaysia-says-azmin

	<p>of 2021 (1H21), which grew by 223.1% year-on-year (y-o-y), signalled the confidence of foreign investors in the country's stable and conducive economic climate and business ecosystem. The stellar performance also demonstrated that Malaysia's strategy of positioning the country as an attractive investment destination of choice and a supply chain hub in ASEAN, particularly for manufacturing operations, was showing positive results. FDI drove the strong and vibrant performance of the manufacturing sector during the period, registering RM58.2 billion in approved investments. Domestic sources, meanwhile, contributed the remaining RM8.7 billion approved investments in this sector. In terms of total approved investments, Malaysia recorded RM107.5 billion of FDI and domestic direct investment (DDI) in the manufacturing, services and primary sectors, chalking up a massive jump of 69.8% compared to the same period last year. The investments achieved amid a very challenging global economic landscape, involved 2,110 projects and are expected to generate 44,994 job opportunities in the country.</p>	
--	---	--

Penemuan penting & isu:

1. Lonjakan pelaburan langsung asing (FDI) yang diluluskan bagi separuh pertama 2021, meningkat 223.1 peratus tahun ke tahun. Ini menunjukkan keyakinan pelabur asing terhadap iklim ekonomi dan ekosistem perniagaan negara yang stabil dan kondusif. Prestasi kukuh ini adalah petanda baik kepada Malaysia ke

arah pemulihan ekonomi yang rancak dan mampan. Strategi Malaysia untuk menempatkan negara sebagai destinasi pelaburan menarik dan hab rantaian bekalan di ASEAN, khususnya bagi operasi pembuatan, menunjukkan hasil yang positif. FDI memacu prestasi kukuh bagi sektor pembuatan, mencatatkan RM58.2 bilion pelaburan diluluskan.

Maklumbalas Bahagian:

1. Pelaburan langsung asing (FDI) yang diluluskan Malaysia bagi separuh pertama 2021 telah meningkat 223.1 peratus tahun ke tahun. Prestasi yang memberangsangkan ini dilihat akan memberi kesan terhadap penyusunan Statistik Imbangan Pembayaran khususnya akaun Kewangan. Pada suku tahun kedua 2021, akaun Kewangan berubah arah aliran kepada aliran keluar bersih sebanyak RM7.0 bilion berbanding aliran masuk bersih RM16.0 bilion pada suku tahun sebelumnya. Sementara itu, FDI pada suku tahun kedua 2021 pula mencatatkan aliran masuk bersih sebanyak RM8.2 bilion (ST1 2021: aliran masuk bersih RM9.1 bilion).

F.	Bahagian Petunjuk Ekonomi (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Berita Harian 12 Sept. 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p>Perbankan antara sektor raih untung tinggi tahun ini</p> <p>Tiga sektor iaitu perbankan, sarung tangan dan perladangan merekodkan keuntungan ke paras tertinggi baharu bagi tempoh separuh pertama 2021. Bagi tempoh enam bulan pertama tahun ini, pendapatan teras bank melonjak 27 peratus tahun ke tahun, firma sarung tangan meraih keuntungan 10 kali ganda berbanding tempoh sama tahun lalu dan perladangan pula menokok dua kali ganda disokong harga minyak sawit mentah 64 peratus lebih tinggi.</p> <p>Penganalisis Maybank IB Research, menyatakan prestasi kaunter perbankan, sarung tangan dan perladangan</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2021/09/862908/perbankan-antara-sektor-raih-untung-tinggi-tahun-ini

		<p>menjangkaui unjuran bagi tempoh separuh pertama tahun ini. Untuk setahun penuh 2021, kami menjangkakan sektor perbankan meraih pendapatan teras sebanyak RM27.7 bilion, manakala sarung tangan RM15.7 bilion dan perladangan RM5.2 bilion.</p>	
2.	Berita Harian 13 Sept. 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Aktiviti perindustrian bulan Julai lemah susulan PKP</p> <p>Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada suku kedua yang lalu mencetus penurunan ketara dalam aktiviti perindustrian dan perdagangan pengedaran pada Julai, demikian mengikut penganalisis ekonomi. Menurut Ketua Penyelidik Kumpulan Ambank, kejatuhan itu juga seiring dengan unjuran kumpulan berdasarkan kepada beberapa petunjuk dan faktor dari PKP.</p> <p>Prestasi yang kurang memberangsangkan itu dijangka akan memberi impak kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negara pada suku ketiga ini. Berdasarkan unjuran bulanan, KDNK Julai dijangka sekitar -8.4 peratus dengan sisihan +/- 2.5 peratus. Bagi tahun penuh, KDNK dijangka berada pada 3.0 peratus hingga 3.5 peratus.</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/09/863409/aktiviti-perindustrian-bulan-julai-lemah-susulan-pkp

3.	<p>Berita Harian 13 Sept. 2021 (Non-essential)</p>	<p>Dana RM2.5 juta bantu pengusaha, pekerja pusat asuhan kanak-kanak</p> <p>Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) hari ini menyerahkan sumbangan sebanyak RM2.5 juta kepada Yayasan Kebajikan Negara bagi membantu pengusaha dan pekerja pusat asuhan yang terjejas akibat pandemik COVID-19. Sumbangan tersebut memberi manfaat kepada 5,000 individu terjejas.</p> <p>Setiap penerima akan diberikan RM500 secara sekali bayar dan ia akan disalurkan oleh Yayasan Kebajikan Negara dengan jumlah keseluruhan peruntukan sebanyak RM2.5 juta. Pemberian sumbangan itu membabitkan 660 pengusaha Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA), Taman Didikan Kanak-Kanak (TADIKA) di tiga wilayah iaitu di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Tiga wilayah berkenaan merangkumi seramai 4,340 pekerja. Daripada jumlah yang dinyatakan itu, Kuala Lumpur membabitkan seramai 3,230 penerima, Putrajaya (1,320) dan Labuan (450).</p>	<p>https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/863445/dana-rm25-juta-bantu-pengusaha-pekerja-pusat-asuhan-kanak-kanak</p>
<p>Penemuan penting & isu:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Tiga sektor iaitu perbankan, sarung tangan dan perlادangan merekodkan keuntungan ke paras tertinggi baharu bagi tempoh separuh pertama 2021. Menurut penganalisis Maybank IB Research, prestasi kaunter perbankan, sarung tangan dan perlادangan menjangkui unjuran bagi tempoh separuh pertama tahun ini. Pada tahun 2021, dijangkakan pendapatan bagi sektor perbankan meraih teras sebanyak RM27.7 bilion, 			

manakala sarung tangan RM15.7 bilion dan perladangan RM5.2 bilion.

2. Aktiviti perindustrian dan perdagangan pengedaran bulan Julai mencatatkan penurunan susulan Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada suku kedua 2021 menurut penganalisis ekonomi. Menurut Ketua Penyelidik Kumpulan Ambank, kejatuhan itu juga seiring dengan unjuran kumpulan berdasarkan kepada beberapa petunjuk dan faktor dari PKP. Selain itu, prestasi yang kurang memberangsangkan dijangka akan memberi impak kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negara pada suku ketiga 2021. Berdasarkan unjuran bulanan, KDNK Julai dijangka sekitar -8.4 peratus dengan sisihan +/- 2.5 peratus manakala bagi tahun 2021, KDNK dijangka berada pada 3.0 peratus hingga 3.5 peratus.
3. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) hari ini menyerahkan sumbangan sebanyak RM2.5 juta kepada Yayasan Kebajikan Negara bagi membantu pengusaha dan pekerja pusat asuhan yang terjejas akibat pandemik COVID-19. Sumbangan tersebut memberi manfaat kepada 5,000 individu terjejas. Setiap penerima akan diberikan RM500 secara sekali bayar. Pemberian sumbangan itu membabitkan 660 pengusaha Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA), Taman Didikan Kanak-Kanak (TADIKA) di tiga wilayah iaitu di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Maklumbalas Bahagian:

1. Penganalisis ekonomi Kumpulan Ambank menjangkakan ekonomi pada 3.0 peratus hingga 3.5 peratus untuk KDNK Malaysia bagi tahun 2021. Ini selari dengan ramalan agensi antarabangsa dan nasional yang menjangkakan prestasi ekonomi negara yang perlahan pada tahun ini. Di samping itu juga peningkatan jangkitan kes COVID-19 dan pelaksanaan sekatan pergerakan yang berpanjangan terus memberi impak kepada pertumbuhan ekonomi negara. Oleh itu, langkah kerajaan dalam pembukaan semula beberapa sektor ekonomi dan sosial dapat merangsang pertumbuhan ekonomi negara.

G.	Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Reuters 10 September 2021 <i>(Essential)</i>	Oil dives late, hit by China supply plan, U.S. bond auction Oil prices fell to a two-week low on Thursday as China rolled out	https://www.reuters.com/business/energy/oil-eases-after-rally-decline-us-output-limits-losses-2021-

		<p>a plan to release state oil reserves, the U.S. weekly crude draw was smaller than expected and U.S. Treasuries rallied as investors sought safer assets.</p> <p>In volatile trade, Brent futures fell \$1.15, or 1.6%, to settle at \$71.45 a barrel. U.S. West Texas Intermediate (WTI) crude fell \$1.16, or 1.7%, to \$68.14. That was the lowest settlement for both since Aug. 26.</p>	09-09/
2.	Astro Awani 10 September 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Kenaikan harga komponen makanan ternakan pengaruhi harga ayam di pasaran</p> <p>Kenaikan harga komponen makanan ternakan di pasaran antarabangsa boleh mempengaruhi kenaikan harga ayam standard di pasaran tempatan ketika ini, kata Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Ronald Kiandee.</p> <p>Bercakap kepada media selepas majlis pengumuman agihan dividen Dana Peladang Kebangsaan di sini hari ini, Ronald berkata harga komponen makanan bagi menghasilkan makanan ayam akan meningkat selari dengan kenaikan harga di pasaran dunia.</p>	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kenaikan-harga-komponen-makanan-ternakan-pengaruhi-harga-ayam-di-pasaran-ronald-319087
3.	Berita Harian 11 September 2020 <i>(Essential)</i>	<p>KPDNHEP cadang pelaksanaan subsidi harga ayam</p> <p>Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/862578/kpdnhep-cadang-pelaksanaan-subsidi-harga-ayam

		bercadang melaksanakan sistem subsidi kepada pengusaha ladang ayam terbesar bagi mengawal kenaikan harga ayam di seluruh negara.	
4.	Selangor Kini 11 September 2021 (Essential)	<p>303 penternak terima bantuan makanan haiwan bernilai RM230,000</p> <p>Bantuan bernilai RM230,000 yang diperuntukkan dibawah Pakej Kita Selangor telah memberi manfaat kepada 303 penternak di Selangor. Peruntukan berbentuk makanan ternakan lembu dan kambing yang diagihkan merupakan salah satu usaha bagi membantu penternak dalam meningkatkan tumbesaran haiwan.</p>	https://selangorkini.my/2021/09/303-penternak-terima-bantuan-makanan-haiwan-bernilai-rm230000/
5.	Selangor Kini 11 September 2021 (Essential)	<p>Mais bantu 604 keluarga di Klang, Kuala Langat dan Hulu Langat</p> <p>Hasil kutipan fidyah berjumlah RM60,400 telah diagihkan kepada 604 penerima. Bantuan pek makanan asas ini memberi manfaat kepada penerima di 3 daerah di Selangor iaitu 220 penerima dari Klang, 72 penerima dari Kuala Langat dan 312 penerima Hulu Langat.</p>	https://selangorkini.my/2021/09/mais-bantu-604-keluarga-di-klang-kuala-langat-dan-hulu-langat/
6.	New Straits Times 11 September 2021 (Essential)	<p>Food baskets for the needy in Muar</p> <p>Due to the COVID-19 pandemic, some families are struggling. The team, consisting of Pagoh Srikandi Bersatu and Armada Bersatu Pagoh, distributes food</p>	https://www.nst.com.my/news/nation/2021/09/726266/food-baskets-needy-muar

		baskets to families in the suburbs of Muar to help those in need during these difficult times. The areas covered include Bukit Treh, Kampung Tengah, Parit Setongkat, Parit Rawa, Panchor and Parit Jawa.	
7.	Utusan Malaysia 12 September 2021 (Essential)	KTK Dom Railway, Persatuan Wanita Bersepadu Kuantan sumbang 500 bakul makanan Syarikat swasta, KTK Dom Railway Sdn. Bhd. dengan kerjasama Persatuan Wanita Bersepadu Kuantan menyumbangkan 500 bakul makanan untuk diagihkan kepada penduduk di Indera Mahkota di sini yang terkesan ekoran penularan wabak COVID-19.	https://www.utusan.com.my/berita/2021/09/ktk-dom-railway-persatuan-wanita-bersepadu-kuantan-sumbang-500-bakul-makanan/

Penemuan penting & isu:

1. Harga minyak jatuh ke paras terendah dua minggu ketika China melancarkan rancangan untuk melepaskan rizab minyak negara, pengambilan minyak mentah mingguan Amerika Syarikat (A.S) lebih kecil daripada yang dijangkakan dan Perbendaharaan A.S menguat ketika pelabur mencari aset yang lebih selamat. Kes varian Delta COVID-19 kembali meningkat dan memberi impak kepada sektor syarikat penerbangan kerana sekatan pergerakan.
2. Harga komponen makanan bagi menghasilkan makanan ayam akan meningkat selari dengan kenaikan harga di pasaran dunia. Antaranya dedak, komponen makanan haiwan seperti jagung, kacang soya dan sebagainya bergantung kepada harga pasaran import luar negara. Dua bahan tersebut iaitu jagung dan soya merupakan item yang diimport 100 peratus daripada negara luar.
3. Purata harga ayam yang dijual di pasar basah sejak kenaikan harga ayam bermula awal bulan ini ialah pada harga RM9 hingga RM10.50 sekilogram (kg). Bagaimanapun, laporan yang diterima mendapati harga paling tinggi dijual pada harga RM11 sekilogram iaitu di Pasar Gopeng, Perak. Kenaikan

harga ayam dikenal pasti berpunca daripada beberapa faktor termasuk harga makanan ayam yang dikatakan meningkat (komponen makanan ayam seperti jagung dan soya) yang diimport dari luar negara). KPDNHEP akan melancarkan Ops Catut (Pasar) 8.0 bagi menjalankan siasatan di semua peringkat rantai bermula daripada penternak/pengeluar, pemborong dan peruncit.

4. Bantuan bernilai RM230,000 yang diperuntukkan dibawah Pakej Kita Selangor telah memberi manfaat kepada 303 penternak di Selangor.
5. Hasil kutipan fidyah berjumlah RM60,400 telah diagihkan kepada 604 penerima di 3 daerah di kawasan Selangor.
6. Bantuan bakul makanan diberikan kepada beberapa keluarga yang memerlukan di sekitar Bukit Treh, Kampung Tengah, Parit Rawa, Panchor dan Parit Jawa.
7. Pengurus syarikat berkenaan, Datuk Seri Wan Adnan Wan Mamat berkata, sumbangan barang keperluan harian itu membabitkan peruntukan RM25,000.

Maklumbalas Bahagian:

1. Kenaikan atau kejatuhan harga minyak mentah akan memberi kesan kepada prestasi IHPR pengeluaran tempatan berikutan sumbangannya yang signifikan kepada prestasi keseluruhan IHPR pengeluaran tempatan.
2. IHPR pengeluaran tempatan bagi Bahan makanan untuk binatang (tidak termasuk yang belum dikilang) meningkat 0.9 peratus pada Julai 2021 berbanding bulan sebelumnya. IHPR bagi komoditi ini dijangka kekal positif untuk dua bulan seterusnya (Ogos dan September) dan turut memberi kesan kepada harga ayam standard di peringkat pengguna. Hal ini turut akan memberikan tekanan kepada inflasi kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol bagi September 2021.
3. Peningkatan harga ayam sehingga lebih RM10 sekilogram dijangka akan memberi tekanan kepada inflasi kumpulan Makanan dan minuman bukan alkohol bagi bulan September 2021. Namun begitu, sekiranya cadangan pelaksanaan subsidi kawalan harga makan ayam dilaksanakan, ianya sekaligus akan meredakan kenaikan harga ayam ini dan secara tidak langsung dapat meredakan inflasi bagi item ini. Purata harga ayam proses pada Julai 2021 ialah RM8.46 sekilogram.
4. Kerajaan persekutuan dan negeri menyediakan pelbagai bantuan, subsidi

<p>dan inisiatif bagi membantu dan mengurangkan beban rakyat Malaysia yang terkesan untuk meneruskan kelangsungan hidup melalui pelbagai medium. Isu semasa berkaitan perbelanjaan isi rumah, kumpulan pendapatan isi rumah, kemiskinan dan penyaluran bantuan kepada isi rumah akan dijadikan rujukan untuk semakan penemuan pendapatan isi rumah bagi survei HIES dan juga kajian pemetaan program bantuan dalam pembangunan Pangkalan Data Perlindungan Sosial (PDPS).</p>			
H.	Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Astro Awani 12 September 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p>COVID-19: 19,198 kes baharu hari ini, Sarawak rekod 5,291 kes baharu</p> <p>Sarawak merekodkan 5,291 jangkitan harian baharu COVID-19, tertinggi yang direkodkan di negeri itu sejak wabak itu melanda negara. Manakala, Selangor menjadi negeri kedua tertinggi dengan merekodkan 2,347 kes diikuti Johor (2,110). Ia sebahagian daripada 19,198 jangkitan baharu COVID-19 yang dilaporkan di seluruh negara dalam tempoh 24 jam yang lalu.</p> <p>Sebanyak 292 kes kematian COVID-19 dilaporkan dalam tempoh 24 jam semalam, menjadikan jumlah kematian terkini di Malaysia sebanyak 20,711 kes.</p>	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid19-19198-kes-baharu-hari-ini-sarawak-rekod-5291-kes-baharu-319335
2.	Berita Harian 10 September 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p>Majlis Perbandaran Muar larang pekerja asing keluar</p> <p>Majlis Perbandaran Muar (MPM) mengeluarkan notis semua pekerja asing di seluruh daerah itu tidak dibenarkan keluar dari</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/862143/majlis-perbandaran-muar-larang-pekerja-asing-keluar

	lingkungan asrama dan kilang serta-merta mulai semalam hingga diberitahu kelak. Tindakan berkenaan diambil bagi mengekang penularan COVID-19 kerana kebanyakan kluster virus itu berpunca daripada asrama yang tidak mematuhi penjarakan fizikal.	
--	---	--

Penemuan penting & isu:

1. Berdasarkan rekod pada 12 September 2021, Malaysia mencatatkan sebanyak 19,550 kes positif baharu COVID-19 hari ini (12) menjadikan jumlah keseluruhan kes sejak Januari tahun lalu hingga kini, 1,960,500 kes. Sarawak terus mencatatkan jumlah kes positif harian tertinggi dengan 3,743 kes. Ia disusuli Selangor dengan 2,416 kes baharu hari ini; Johor (2,282); Sabah (2,163); Pulau Pinang (1,865); Kedah (1,390); Perak (1,354); dan Kelantan (1,320). Negeri lain turut mencatatkan pertambahan kes iaitu Terengganu dengan 953 kes; Pahang (722); Kuala Lumpur (555); Melaka (490); Negeri Sembilan (198); Perlis (73); Putrajaya (24) dan Labuan, dua kes.

Daripada 19,550 kes positif baharu yang dilaporkan, tujuh daripadanya membabitkan kes import iaitu lima warganegara dan dua bukan warganegara manakala bagi penularan tempatan, sebanyak 19,543 kes dilaporkan iaitu 17,153 warganegara (87.8 peratus) dan 2,390 bukan warganegara (12.2 peratus). Daripada 19,550 kes harian yang dilaporkan pada hari ini, sebanyak 265 kes (1.4 peratus) adalah kategori 3, 4, dan 5; dan 19,285 kes (98.6 peratus) lagi terdiri daripada kategori 1 dan 2. Sebanyak 1,247 kes memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) iaitu 936 kes COVID-19, manakala 311 kes disyaki, berkemungkinan dan kes dalam siasatan. Kes memerlukan bantuan pernafasan membabitkan 667 kes iaitu 453 kes COVID-19 dan 214 kes. Berdasarkan 292 kes kematian COVID-19 dilaporkan di laman web Covidnow, daripada jumlah tersebut, Sabah (84 kes), Selangor (45 kes), Kedah (36 kes), Negeri Sembilan (29 kes), Kuala Lumpur (18 kes), Johor dan Pulau Pinang (masing-masing 16 kes), Kelantan (13 kes) dan Perak (11 kes). Selebihnya, Sarawak (sembilan kes), Pahang (tujuh kes), Terengganu (empat kes) serta Melaka dan Perlis (masing-masing dua kes). Dalam masa sama, Labuan dan Putrajaya tidak mencatatkan kes kematian COVID-19.

2. Tindakan larangan pekerja asing keluar diambil bagi mengekang penularan COVID-19 kerana kebanyakan kluster virus itu berpunca daripada asrama yang tidak mematuhi penjarakan fizikal. Sebarang keperluan pekerja-pekerja asing berkenaan perlu diurus sepenuhnya oleh majikan masing-masing. Ia termasuk

bagi pergerakan pergi dan pulang pekerja warga asing untuk mendapatkan suntikan vaksin di Pusat Program Imunisasi Industri COVID-19 Kerjasama Awam Swasta (PIKAS). Semua amalan prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan perlu dilaksanakan dengan sempurna. semua majikan dikehendaki memastikan sebarang aktiviti penjajaan di dalam perkarangan kilang atau asrama perlu mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak MPM seperti sudah mendapat suntikan, lesen perniagaan dan menjaga kebersihan. Tindakan tegas termasuk kompaun akan diambil ke atas mana-mana majikan yang gagal memastikan atau mematuhi arahan berkenaan. Perintah kawalan berkenaan juga berkuatkuasa kepada semua sektor pembinaan, peruncitan, perladangan dan lain-lain sektor yang membabitkan tenaga kerja warga asing. Sebarang pelanggaran arahan akan dikenakan tindakan penguatkuasaan dibawah Seksyen 72(1)(f), Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Akta berkenaan memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk mengambil tindakan kepada pekerja atau majikan atau kedua-duanya sekali jika melakukan kesalahan membabitkan perlanggaran SOP yang ditetapkan. Jika pekerja asing, majikan atau kedua-duanya sekali melakukan kesalahan terbabit, mereka boleh dikenakan kompaun sebanyak RM1,000.

Maklumbalas Bahagian:

1. Data kematian pada suku tahun kedua 2021 ialah:
 - Jumlah kematian pada suku tahun kedua 2021 direkodkan sebanyak 44,307 kematian, meningkat sebanyak 10.1 peratus berbanding suku tahun kedua 2020 (40,241 kematian);
 - Sejumlah 25,216 kematian adalah lelaki sementara 19,091 kematian adalah perempuan;
 - Sebanyak 3,898 kematian akibat COVID-19 direkodkan iaitu meningkat 78 kematian berbanding suku sama tahun lalu.
 - Data juga menunjukkan kematian tertinggi akibat COVID-19 dicatatkan bagi kumpulan umur 65 hingga 69 tahun diikuti kumpulan umur 70-74 tahun.
 - Selangor merekodkan bilangan kematian tertinggi akibat COVID-19 iaitu 1,236 kematian manakala Putrajaya merekodkan kematian terendah iaitu hanya empat kematian.

Sebab-sebab kematian akibat COVID-19 akan dimuatkan di Penerbitan Perangkaan Sebab Kematian.

2. Berdasarkan data pendaftaran penduduk semasa, penduduk Malaysia pada suku tahun kedua 2021 dianggarkan 32.7 juta orang, dimana kadar pertumbuhan penduduk tahunan menurun kepada 0.2 peratus. Jumlah penduduk ini merangkumi 30.0 juta orang (91.8%) warganegara dan 2.7 juta orang (8.2%) bukan warganegara. Penduduk Bukan Warganegara

menunjukkan penurunan daripada 3.0 juta (2020) kepada 2.7 juta pada 2021. Penduduk tua (65 tahun dan lebih) meningkat kepada 7.4 peratus (2.3 juta) pada 2021. Umur penengah penduduk pada 2021 meningkat kepada 29.6 tahun, iaitu peningkatan sebanyak 3.3 tahun setelah satu dekad (2010-2021).

I.	Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia dan Sosial (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Berita Harian 10 September 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p>Tambah kakitangan perubatan, elak gangguan emosi</p> <p>Kerajaan perlu meningkatkan jumlah tenaga kerja jururawat serta perjawatan lain sebagai penyelesaian jangka panjang terhadap isu beban tugas yang menyebabkan gangguan emosi kepada petugas kesihatan ketika ini.</p> <p>Isu tenaga kerja tidak mencukupi sudah bermula sebelum COVID-19 menular dan kelemahan itu terserlah sepanjang tempoh pandemik sejak lebih setahun lalu. Di samping menjaga pesakit COVID-19 yang meningkat, mereka juga perlu meneruskan rawatan kepada pesakit lain seperti kanser dan ibu bersalin.</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/862253/tambah-kakitangan-perubatan-elak-gangguan-emosi
2.	Harian Metro 11 September 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p>3 juta remaja akan divaksin sebelum sekolah sesi 2022 dibuka</p> <p>Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mensasarkan tiga juta remaja di seluruh negara menerima vaksin COVID-19 sebelum pembukaan sekolah bagi sesi 2022. Sasaran tersebut sekali gus adalah Petunjuk Prestasi Utama (KPI) KKM.</p>	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/09/753577/3-juta-remaja-akan-divaksin-sebelum-sekolah-sesi-2022-dibuka-metrotv

		Seajar dengan pengumuman pembukaan sekolah secara berperingkat untuk tahun ini, program vaksinasi turut akan dijalankan serentak.	
--	--	---	--

Penemuan penting & isu:

1. Kerajaan perlu meningkatkan jumlah tenaga kerja jururawat serta perjawatan lain sebagai penyelesaian jangka masa panjang terhadap isu beban tugas golongan tersebut yang boleh mengakibatkan gangguan emosi kepada petugas kesihatan.
2. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mensasarkan sebanyak tiga juta remaja di seluruh negara akan menerima vaksin COVID-19 sebelum pembukaan sekolah bagi sesi 2022.

Maklumbalas Bahagian:

1. Penambahan kakitangan perubatan dapat membantu meringankan beban petugas barisan hadapan terutamanya doktor dan jururawat dalam memerangi penularan wabak COVID-19 ini. Berdasarkan Laporan Buletin Perangkaan Sosial 2020, bilangan doktor dan jururawat di Malaysia pada tahun 2019 adalah masing-masing seramai 67,586 orang dan 131,258 orang.
2. Pelajar sekolah perlu divaksin terlebih dahulu sebelum pembukaan semula sekolah bagi memastikan Pengajaran Dan Pembelajaran (PdP) dilaksanakan dalam keadaan selamat kepada semua pihak. Merujuk kepada MyLocal Stats 2019, bilangan murid sekolah rendah kerajaan dan menengah kerajaan di Malaysia pada 2019 adalah masing-masing seramai 2,729,491 orang dan 2,035,698 orang.

J.	Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam Sekitar (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Harian Metro 09 September 2021 (Non-Essential)	Pelupusan sisa kit ujian kendiri COVID-19 tak sempurna undang risiko penularan wabak Kit Ujian Kendiri COVID-19 digunakan sebagai ujian saringan individu mempunyai kelebihan untuk mengesan status	https://www.hmetro.com.my/renanca/2021/09/752722/pelupusan-sisa-kit-ujian-kendiri-COVID-19-tak-sempurna-undang-risiko

		COVID-19 dengan cepat dan mudah.	
2.	Utusan 09 September 2021 <i>(Essential)</i>	Bantuan 3,000kg ikan untuk PKPD Taman Samudera Persatuan Nelayan Negeri Perak (Penggerak) memberi bantuan 3,000 kilogram (kg) ikan segar kepada kira-kira 2,500 isi rumah di Taman Samudera, Seri Manjung yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) bermula 5 hingga 18 September ini.	https://www.utusan.com.my/berita/2021/09/bantuan-3000kg-ikan-untuk-pkpd-taman-samudera/
3.	Sinar Harian 10 September 2021 <i>(Essential)</i>	Lebih 500 pekerja asing agromakanan ambil vaksinasi COVID-19 Lebih 500 pekerja asing dalam sektor agromakanan yang mempunyai dokumen perjalanan dan pas kerja yang sah telah mendapatkan vaksinasi COVID-19 di Pusat Khidmat Dewan Undangan Negeri (DUN) Semerak.	https://www.sinarharian.com.my/article/160625/KHAS/COVID-19/Lebih-500-pekerja-asing-agromakanan-ambil-vaksinasi-COVID-19
4.	New Straits Times 10 September 2021 <i>(Essential)</i>	Malaysia to lose RM2bil tax revenue from labour shortage in 2021? The government may lose up to RM2.0 billion in additional tax collection from the palm oil sector due to the expected loss in production revenue between 20 per cent and 30 per cent in 2021.	https://www.nst.com.my/business/2021/09/725968/malaysia-lose-rm2bil-tax-revenue-labour-shortage-2021#.YTtHekwrWIQ.whatsapp
5.	Sinar Harian 11 September 2021 <i>(Essential)</i>	Pelihara sumber udang galah di sungai Lebih daripada 1.5 juta benih udang galah dilepaskan di Sungai Timun di sini sejak tahun	https://www.sinarharian.com.my/article/160838/EDISI/Pelihara-sumber-udang-galah-di-sungai

		lepas sehingga kini bagi meningkatkan populasi udang itu di sungai berkenaan.	
6.	Malay Mail 12 September 2021 (Essential)	<p>Minister: Govt to identify suitable way to overcome labour shortage in Malaysia's plantation sector</p> <p>The government will identify a suitable way to overcome the labour shortage in the plantation sector, especially oil palm.</p>	https://www.malaymail.com/news/money/2021/09/12/minister-govt-to-identify-suitable-way-to-overcome-labour-shortage-in-malay/2005010

Penemuan penting & isu:

1. Garis panduan ini dikeluarkan susulan sisa klinikal yang dihasilkan kini meningkat 96 peratus berbanding ketika COVID-19 mula dikesan pada Disember 2019. Anggaran 216 tan metrik picagari, 81 tan metrik jarum, 540 tan metrik bebuli vaksin kosong, 1,080 tan metrik peralatan perlindungan diri (PPE) dan 162 tan metrik tisu basah beralkohol akan terhasil. Anggaran pertambahan 2,100 metrik tan sisa klinikal dalam tempoh 12 bulan pelaksanaan program imunisasi.
2. Bantuan bernilai RM15,000 itu diberikan sebagai tanda prihatin dan tanggungjawab sosial terhadap kira-kira 10,000 penduduk di situ yang terkesan dengan PKPD dan pandemik COVID-19, dengan setiap rumah menerima satu kg ikan kembung.
3. Lebih 500 pekerja asing dalam sektor agromakanan yang mempunyai dokumen perjalanan dan pas kerja yang sah telah mendapatkan vaksinasi COVID-19 di Pusat Khidmat Dewan Undangan Negeri (DUN) Semerak.
4. *The industry might not generate an extra RM20 billion revenue this year, dragged by the nationwide acute shortage of about 75,000 of manual harvesters. This shortage translates to an alarming 20 per cent to 30 per cent shortfall in our potential crude palm oil (CPO) production. The industry had been enjoying a long bull run in CPO prices, averaging more than RM4,000 per tonne in the first half of 2021. With much lower production and returns, the expected total effective tax (levy and cess) paid to the government will be in the range of RM9 billion to RM12 billion for 2022.*
5. Selain udang galah, lebih daripada 200 ribu benih ikan antaranya baung dan lampam sungai dilepaskan untuk kelangsungan sumber ikan asli di sungai berkenaan sentiasa ada dan terpelihara. Selain itu, pada tempoh pandemik ini,

sumber pendapatan nelayan di Sungai Timun turut terjejas sejak pandemik COVID-19 melanda negara ini susulan aktiviti menyewa bot bagi aktiviti memancing tidak dapat diusahakan.

6. *The government had introduced the Labour Recalibration Programme which offers the opportunity to employers in the plantation, agriculture, construction, manufacturing and services sectors to hire undocumented workers in order to fill the labour shortage, but the response has not been encouraging.*

Maklumbalas Bahagian:

1. Berdasarkan Kompendium Perangkaan Alam Sekitar 2020, kuantiti buangan klinikal pada 2019 sebanyak 33.8 ribu tan metrik, iaitu 30.0 peratus lebih tinggi berbanding 25.5 ribu tan metrik sisa klinikal yang dilaporkan pada 2015. Statistik yang dilaporkan adalah merujuk kepada situasi sebelum pandemik COVID-19 melanda negara. Seiring dengan peningkatan tenaga kerja di kemudahan kesihatan, pusat kuarantin dan juga pusat pemberian vaksin, kuantiti buangan klinikal ini dijangkakan akan meningkat dengan lebih ketara. Cadangan mewujudkan garis panduan khas bagi pengurusan sisa klinikal oleh industri dan isi rumah (contoh: kit ujian kendiri dan pelitup muka) adalah wajar bukan sahaja untuk mengekang penularan COVID-19 dan menjaga kelestarian alam sekitar, malahan secara tidak langsung boleh dijadikan sebagai satu asas kepada penghasilan statistik berkaitan buangan klinikal yang lebih tepat dan komprehensif. Bahagian mengambil perhatian berkenaan perkara ini dan akan memberi tumpuan dan membuat kajian bagi mendapatkan statistik tersebut untuk dijadikan input bagi penerbitan Kompendium Perangkaan Alam Sekitar (KPAS) pada tahun hadapan.
2. Pendaratan ikan kembong pada 2020 adalah 50,280 tan metrik. Maklumat ini boleh diperoleh dari jadual perikanan Tangkapan 2020 yang diterbitkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia. Merujuk kepada penerbitan Akaun Pembekalan dan Penggunaan (SUA) Komoditi Pertanian Terpilih 2016-2020, ikan kembung merupakan sepsis di bawah mackerel. Pada 2020 Kadar Sara Diri (SSR) dan Penggunaan Per Kapita (PCC) mackerel masing-masing adalah 88.2 peratus dan 5.7 kg/tahun.
3. Merujuk laporan statistik Banci Ekonomi 2016, industri penanaman kelapa sawit (Estet dan Pekebun Kecil) merekodkan jumlah pertubuhan sebanyak 5,386 pertubuhan dengan penglibatan jumlah pekerja seramai 323,653 orang. Isu pengurangan penglibatan warga asing semasa pasca COVID-19 dalam industri ini dijangka akan memberi impak dalam dapatan Banci Ekonomi akan datang.
4. Berdasarkan penerbitan SUA 2016-2020, pengeluaran udang pada 2020 adalah 156,210.2 tan metrik meningkat berbanding 155,483.5 tan metrik pada 2019.

	SSR dan PCC bagi udang pula masing-masing adalah 101.7 peratus dan 4.1 kg/tahun pada 2020.								
5.	Secara keseluruhan, pandemik yang masih berterusan ini menyebabkan perintah kawalan pergerakan yang dilaksanakan akan mengganggu sistem rantai makanan. Akibatnya akan berlaku lebihan penawaran diperingkat pengeluar dan kekurangan bekalan diperingkat pengguna. Keadaan kekurangan bekalan ini akan menyebabkan harga barang naik. Dalam masa yang sama, pandemik ini juga telah menyebabkan berlakunya kekurangan pekerja terutamanya pekerja warga asing yang tidak disambung tempoh perkhidmatan. Kekosongan pekerjaan yang wujud ini secara tidak langsung memberi peluang kepada warga tempatan untuk kembali berkhidmat dalam sektor tenaga buruh.								
K.	<p>Malaysian Bureau of Labour Statistics (DOSM)</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Bil</th><th>Akhbar</th><th>Ringkasan</th><th>Pautan</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td><td> The Edge Market 13 September 2021 <i>(Non-Essential)</i> </td><td> <p>EPF waives late payment charges, starts Employer Pay Reduction Initiative to ease employers' financial burden</p> <p>The Employees Provident Fund (EPF) launched two new initiatives targeting employers, namely an exemption from late payment charges (for contribution starting September 2021 until December 2021) and the Employer Pay Reduction Initiative (e-PaR).</p> <p>Employers can now remit their contribution payment until the end of every month without incurring any late payment charges.</p> <p>The e-PaR initiative offers employers up to a 70% reduction in outstanding late payment charges imposed for any period before August 2021. To eligible, any outstanding contribution payments and dividends for their</p> </td><td> https://www.theedgemarkets.com/article/epf-waives-late-payment-charges-starts-employer-pay-reduction-initiative-ease-employers </td></tr> </tbody> </table>	Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan	1.	The Edge Market 13 September 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p>EPF waives late payment charges, starts Employer Pay Reduction Initiative to ease employers' financial burden</p> <p>The Employees Provident Fund (EPF) launched two new initiatives targeting employers, namely an exemption from late payment charges (for contribution starting September 2021 until December 2021) and the Employer Pay Reduction Initiative (e-PaR).</p> <p>Employers can now remit their contribution payment until the end of every month without incurring any late payment charges.</p> <p>The e-PaR initiative offers employers up to a 70% reduction in outstanding late payment charges imposed for any period before August 2021. To eligible, any outstanding contribution payments and dividends for their</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/epf-waives-late-payment-charges-starts-employer-pay-reduction-initiative-ease-employers
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan						
1.	The Edge Market 13 September 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p>EPF waives late payment charges, starts Employer Pay Reduction Initiative to ease employers' financial burden</p> <p>The Employees Provident Fund (EPF) launched two new initiatives targeting employers, namely an exemption from late payment charges (for contribution starting September 2021 until December 2021) and the Employer Pay Reduction Initiative (e-PaR).</p> <p>Employers can now remit their contribution payment until the end of every month without incurring any late payment charges.</p> <p>The e-PaR initiative offers employers up to a 70% reduction in outstanding late payment charges imposed for any period before August 2021. To eligible, any outstanding contribution payments and dividends for their</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/epf-waives-late-payment-charges-starts-employer-pay-reduction-initiative-ease-employers						

		employees before August this year should be paid in full before Dec 31, 2021.	
2.	The Edge Market 11 September 2021 (Non-Essential)	<p>Serious shortage of 3D workers in construction sector - Fadillah</p> <p>The construction sector in the country is facing a serious shortage of 3D (dirty, difficult and dangerous) workers causing some major projects to fall behind schedule.</p> <p>Relying heavily on foreign workers for the job, contractors found it hard to catch up with the schedule despite the fact that the construction sector had been allowed to operate with full force during the recovery phase of the COVID-19 pandemic.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/serious-shortage-3d-workers-construction-sector-%E2%80%94-fadillah
3.	The Edge Market 10 September 2021 (Non-Essential)	<p>Langkawi: Travel agencies are allowed to operate without registering with CIMS</p> <p>Travel agencies are allowed to operate with immediate effect, without having to register with the COVID-19 Intelligent Management System (CIMS). The move would allow 5,335 registered travel agencies in the country to begin generating some income after being impacted for almost two years due to the pandemic.</p> <p>The government is always committed to ensuring the business continuity of the tourism and culture industry, especially in</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/langkawi-travel-agencies-are-allowed-operate-without-registering-cims

		maintaining the jobs of those involved in the sector.	
4.	The Edge Market 10 September 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p>PM galak lebih ramai anak muda terlibat perniagaan digital, ekonomi gig</p> <p>Perdana Menteri menggalakkan lebih ramai anak muda terlibat dalam perniagaan digital dan ekonomi gig. Ini berikutan perniagaan tersebut mampu menjana pendapatan yang baik ketika ini. Dalam perbincangan bersama pengasas aplikasi Grab, mereka menzahirkan komitmen untuk terus menyediakan peluang pekerjaan alternatif kepada anak muda dalam merancakkan lagi ekonomi gig dan membuka platform kepada peniaga kecil di luar bandar.</p>	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pm-galak-lebih-ramai-anak-muda-terlibat-perniagaan-digital-ekonomi-gig-319060

Penemuan penting & isu:

1. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja melancarkan dua inisiatif baharu untuk majikan bagi meringankan pengurusan aliran kewangan ketika pandemik. Inisiatif pertama iaitu pengecualian caj lewat bayar caruman, majikan diberi kelonggaran bagi tempoh membayar caruman bulan semasa di mana majikan tidak perlu membuat sebarang permohonan untuk inisiatif ini yang berkuat kuasa secara automatik bermula caruman bulan September 2021 sehingga Disember 2021. Inisiatif kedua ialah Tawaran Insentif Pengurangan Caj Lewat Bayar (e-PaR) di mana majikan berpeluang mendapatkan pengurangan menyelesaikan baki caj lewat bayar yang tertunggak, iaitu majikan ditawarkan pengurangan sehingga 70% untuk caj lewat bayar tertunggak bagi caruman yang lewat dibayar untuk mana-mana tempoh sebelum Ogos 2021.
2. Sektor pembinaan negara menghadapi kekurangan pekerja kategori 3D (*dirty, difficult and dangerous*) yang serius hingga menyebabkan beberapa projek mega tergendala. Ini berikutan kontraktor bergantung kepada pekerja asing bagi kerja-kerja kategori berkenaan menghadapi kesukaran untuk menepati jadual pembinaan, walaupun sektor pembinaan telah dibenarkan beroperasi sepenuhnya dalam fasa pemulihan pandemik.

3. Agensi pelancongan dibenarkan beroperasi serta-merta tanpa perlu mendaftar melalui *COVID-19 Intelligent Management System* (CIMS) bagi menjayakan projek rintis gelembung pelancongan Langkawi yang akan bermula 16 September. Langkah ini membolehkan 5,335 agensi pelancongan berdaftar untuk menjana semula pendapatan selepas hampir dua tahun terkesan impak COVID-19. Kerajaan sentiasa komited memulihkan ekonomi dan memastikan kesinambungan perniagaan industri pelancongan dan kebudayaan, terutamanya mengekalkan pekerjaan bagi mereka yang terlibat dalam rantaian aktiviti yang sama.
4. Anak muda digalakkan terlibat dalam perniagaan digital dan ekonomi gig berikutan perniagaan tersebut mampu menjana pendapatan yang baik ketika ini. Pengasas aplikasi Grab telah menzahirkan komitmen untuk terus menyediakan peluang pekerjaan alternatif kepada anak muda dalam merancakkan lagi ekonomi gig dan membuka platform kepada peniaga kecil di luar bandar.

Maklumbalas Bahagian:

1. Berdasarkan petikan Tenaga Buruh, Malaysia (Julai 2021), penduduk bekerja terus menurun dengan pengurangan kecil sebanyak 2.7 ribu orang kepada 15.29 juta orang pada Julai 2021. Ini merupakan bulan kedua yang mencatatkan pengurangan setelah trend positif direkodkan selama enam bulan. Nisbah guna tenaga kepada penduduk yang menunjukkan kemampuan ekonomi untuk mewujudkan guna tenaga kekal pada 65.0 peratus pada Julai 2021.
2. Statistik utama tenaga buruh bagi bulan Julai 2021 yang diterbitkan pada 9 Ogos 2021 adalah seperti berikut:
 - i) Tenaga buruh: 16,072.9 ribu
 - ii) Penduduk bekerja: 15,294.8 ribu
 - iii) Penganggur: 778.2 ribu
 - iv) Luar tenaga buruh: 7,475.4 ribu
 - v) Kadar penyertaan tenaga buruh: 68.3 peratus
 - vi) Kadar pengangguran: 4.8 peratus
3. Statistik utama tenaga buruh pada ST2 2021 berdasarkan Laporan Tenaga Buruh adalah seperti berikut:
 - i) Tenaga buruh: 15,972.2 ribu
 - ii) Penduduk bekerja: 15,207.3 ribu
 - iii) Penganggur: 764.9 ribu
 - iv) Kadar penyertaan tenaga buruh: 68.3 peratus
 - v) Kadar pengangguran: 4.8 peratus

4. Laporan Statistik Guna Tenaga (SGT) meliputi statistik pekerja sektor swasta di Malaysia. Berikut merupakan maklumat utama berdasarkan SGT ST2 2021:
- i) Jawatan: 8,351.8 ribu
 - ii) Jawatan diisi: 8,173.7 ribu
 - iii) Kekosongan: 178.0 ribu
 - iv) Pewujudan jawatan: 16.18 ribu
 - v) Kadar jawatan diisi: 97.9%
 - vi) Kadar kekosongan: 2.1%
5. Statistik pekerja mengikut aktiviti utama ekonomi bagi ST2 2021 berdasarkan Laporan Produktiviti Buruh adalah seperti berikut:
- i) Pertanian: 1,886 ribu orang (Sumbangan: 12.4%)
 - ii) Perlombongan dan pengkuarian: 74 ribu orang (Sumbangan: 0.5%)
 - iii) Pembuatan: 2,577 ribu orang (Sumbangan: 16.9%)
 - iv) Pembinaan: 1,390 ribu orang (Sumbangan: 9.1%)
 - v) Perkhidmatan: 9,279 ribu orang (Sumbangan: 61.0%)
 - vi) Jumlah: 15,207 ribu orang (Sumbangan: 100.0%)